



## Kontemporari Dan Berpandangan Jauh

### JAWATAN KOSONG KUMPULAN PELAKSANA

Universiti Malaysia Sarawak mempelawa anda yang berkelayakan, dinamik dan berpandangan jauh untuk mengisi kekosongan jawatan Kumpulan Pelaksana seperti berikut:

- JAWATAN** : **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)**  
(1 kekosongan)
- GRED** : **N19**
- TARAF JAWATAN** : **Kontrak**
- PENEMPATAN** : **Pusat Pembelajaran Bersepadu**  
**Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan**  
**Universiti Malaysia Sarawak**  
**Sibu, Sarawak**

(Keutamaan akan diberikan kepada calon yang berasal dari Sibu/bermastautin di Sibu)

#### Syarat-syarat Permohonan:

- (a) Warganegara Malaysia; **dan**
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (c) (i) Pemohon perlu mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**ATAU**
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**ATAU**
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**DAN**
- (iv) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### Jadual Gaji Minimum – Maksimum:

Gred	Minimum (RM)	Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan
N19	1,352.00	4,003.00	100.00

U N I M A S

**A. Prosedur Permohonan:**

Pemohon hendaklah memohon melalui borang permohonan jawatan secara atas talian (eRecruitUNIMAS) yang boleh dicapai melalui <https://ehcm.unimas.my/eRecruitUNIMAS>

Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

**B. Tempoh Permohonan : 1 Februari 2019 hingga 10 Februari 2019**

**C. Makluman Ujian Tapisan dan/atau Temuduga:**

Pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani ujian/proses tapisan yang akan ditetapkan oleh UNIMAS (jika perlu) sebelum dipanggil ke sesi temuduga.

**Nota:** Pemohon Tidak Perlu Menghantar Dokumen Sehingga Dipanggil Untuk Menghadiri Ujian Tapisan/Temuduga (Disenarai Pendek) **TETAPI** perlu memuatnaik semua sijil-sijil berkaitan mengikut keperluan eRecruitUNIMAS.

**D. Prosedur Penghantaran Dokumen Bagi Permohonan Yang Telah Disenarai Pendek:**

- (1) Calon yang telah disenarai pendek dikehendaki menghantar **(satu (1) salinan)** borang permohonan (eRecruitUNIMAS) yang dicetak dan gambar berukuran pasport beserta **(satu (1) set)** salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti berikut:
  - (a) Kad Pengenalan
  - (b) Sijil Kelahiran
  - (c) Sijil-sijil akademik yang berkenaan beserta transkrip (PMR/SRP/setaraf, SPM/setaraf, STPM/Setaraf, Diploma, Ijazah Sarjana Muda)
  - (d) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan
  - (e) Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan-Badan Berkanun/Kuasa-kuasa tempatan hendaklah memajukan permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan melampirkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) terkini dan Kenyataan Perkhidmatan yang lengkap.
- (2) Dokumen permohonan hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah dengan kadar **SEGERA** atau semasa menghadiri ujian tapisan (jika ada).

Pendaftar  
Universiti Malaysia Sarawak  
**94300 KOTA SAMARAHAN**  
**(u/p : Unit Perjawatan & Pembangunan Organisasi)**  
Tel : 082-581000 Fax : 082-581095

- (3) Permohonan akan **DITOLAK** dan senarai pendek calon boleh **DIBATALKAN** sekiranya pemohon gagal mengemukakan salinan dokumen-dokumen yang telah disahkan seperti di atas, tidak lengkap atau tidak jelas, tidak ditandatangani, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan, permohonan lewat diterima dan gambar tidak seperti yang ditetapkan (gambar *scan* tidak dibenarkan).
- (4) Pemohon yang tidak menerima maklumbalas selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.

U N I M A S